

[FOTO SYARAFIQ ABD SAMAD / BH]

BH SUKAN

Sengatan si jelita

→ Jaringan sempurna
An Najwa bantu skuad bola jaring rampas emas

Oleh Aida Adilah Mat, Mohd Fitrie Muhamad dan Jugjet Singh
bhsukan@bh.com.my

↳ Kuala Lumpur

Raut wajah yang manis serta susuk tubuh yang tinggi melengkapkan pakej An Najwa Azizan sebagai pemain bola jaring terbaik negara.

Siapa sangka pembabitannya dalam bola jaring sebagai bidan terjun mengubah status sebagai salah seorang srikandi negara apabila menjadi nadi utama kekuatan skuad bola jaring negara yang menghadihkan pingat emas buat kontinjen negara.

Ia satu kejayaan yang manis apabila misi menamatkan kemarau 16 tahun akhirnya terlaksana.

Menceritakan detik bermulanya karier dalam bola jaring, An Najwa berkata ketika di sekolah rendah pada asalnya dia hanya terbabit dalam sukan lompat tinggi.

Namun segalanya berubah dan pembabitan dalam bola jaring bermula tujuh tahun lalu ketika beliau diajak untuk menyertai latihan bola jaring dan sejak itu cinta terhadap sukan berkenaan mula timbul.

"Saya mula bermain bola jaring ketika usia 13 tahun. Sebenarnya selepas tamat sekolah rendah, saya tidak tahu buat apa.

"Sejak memasuki Sekolah Sukan Kuala Lumpur (SSKL), saya diajak menyertai latihan bola jaring dan dari-

pada detik itu, saya mula meminati sukan ini," katanya

Mengulas mengenai kemenangan ke atas Singapura, Najwa menyifatkan bahawa dendam kekalahan dua tahun lalu berbalas dengan penuh bermaruah.

Nikmati kejayaan

"Saya puas terutamanya dapat menang dengan jurang yang agak jauh. Buat masa ini saya tidak mahu fikirkan soal lain dan hanya mahu cuba fokus dan nikmati kejayaan ini," katanya.

Malaysia merampas emas dari Singapura selepas menewaskan lawan itu 65-41 pada aksi final di Stadium Juara Bukit Kiara.

Sepanjang saingan berlangsung, kelibat An Najwa sentiasa jadi perhatian menerusi aksi tangkas dengan namanya dilaungkan oleh peminat setiap kali bola sampai ke tangannya.

Aksi sempurnanya semalam turut menarik minat golongan lelaki kerana memiliki kelebihan raut wajah yang menarik.

Jika Cristiano Ronaldo jarang dilihat tersenyum dalam gelanggang, begitu juga dengan anak jati Ampang, Selangor ini.

An Najwa cukup sukar 'menghadihkan' senyuman ketika di dalam gelanggang dan sebenarnya itu petua yang sering diamalkan setiap kali mengharungi perlawanan.

"Itulah saya. Sentiasa serius dalam perlawanan. Tapi sebenarnya itulah cara saya untuk mengatasi rasa berdebar.

"Sebenarnya ketika beraksi, saya tidak lihat papan markah. Soal menang atau kalah, itu cerita lain," katanya.

KUALA LUMPUR 2017

SUKAN SEA KE-29
SUKAN PARA ASEAN KE-9

An Najwa Azizan

Biodata

→ **Umur:** 20 tahun
→ **Asal:** Ampang, Selangor
→ **Posisi:** Penyerang
→ **Tarikh lahir:** 9 Ogos 1997

→ **Tinggi:** 179sm
→ **Berat:** 78kg
→ **Adik beradik:** Anak ke-4 daripada 5
→ **Warna kegemaran:** Merah, biru